



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : KP(BS)8591/Jld.VI (53)

Tarikh : 25 Januari 1991

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Tuan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 1/1991 :

Penceramah Jemputan Untuk Majlis Dan Aktiviti Agama Islam Di Sekolah

Pengajaran Agama Islam bersifat formal di bilik darjah sewajarnya disokong dengan strategi-strategi amali, latihan dan pengayaan di luar bilik darjah untuk membantu pelajar-pelajar yang beragama Islam mengukuhkan lagi pengetahuan serta penghayatan mereka terhadap apa yang telah dipelajari. Aktiviti-aktiviti Agama Islam yang dijalankan di sekolah, seperti Majlis Maulid-Ir-Rasul, Tilawah Al-Quran dan Nadwah Islamiah, hendaklah terus diadakan dan sememangnya digalakkan. Akan tetapi, dalam kaitan ini, penyampaian kuliah atau ceramah agama yang lazimnya diadakan untuk majlis-majlis tersebut, difikirkan lebih sesuai jika dilakukan oleh kalangan para guru sendiri.

2. Bermula daripada tarikh Surat Pekeliling Ikhtisas ini, pihak pentadbir sekolah hendaklah memberi keutamaan menjemput guru-guru Agama Islam yang sedang berkhidmat di sekolah atau berada dalam perkhidmatan pendidikan untuk menyampaikan kuliah atau ceramah di majlis-majlis sebagaimana dinyatakan di atas. Jemputan kepada individu-individu bukan guru atau tokoh-tokoh perseorangan di luar daripada perkhidmatan pendidikan hendaklah dielakkan.

Sila maklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada semua sekolah di negeri tuan.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

TAN SRI DATUK WIRA ABDUL RAHMAN ARSHAD
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

- s.k
1. Y.B. Dato' Sri Anwar Ibrahim
Menteri Pendidikan Malaysia
 2. Y.B. Dr. Leo Michael Toyad
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
 3. Y.B. Dr. Fong Chan Onn
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
 4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan
 5. Timbalan Ketua Setiausaha I
Kementerian Pendidikan
 6. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan I
Kementerian Pendidikan
 7. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan II
Kementerian Pendidikan
 8. Timbalan Ketua Setiausaha II
 9. Semua Ketua Bahagian
Kementerian Pendidikan
 10. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pendidikan